

# Bila wanita meraba

## Hilang rasa malu dalam berkumpulan

**A**GRESIFNYA wanita bila dalam satu kes dikatakan meraba pungung dan sering menunjukkan isyarat lucah kepada tiga pekerja lelaki di kilang sama di Kelantan. Kilang berkenaan dimonopoli pekerja wanita.

Kes itu didedahkan Pengarah Standard Perburuhan, Jabatan Tenaga Kerja Semananjung Malaysia (JTKSM), Wan Zulkifli Wan Setapa ketika merasmikan Bengkel Pe-

nubuhan Mekanisme Dalam Bagi Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja, di Kota Bharu, baru-baru ini.

Menurutnya, tiga pekerja lelaki yang tidak tahan dengan tindakan kumpulan wanita terbabit membuat laporan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) negeri itu beberapa bulan lalu.

Dalam kes gangguan seksual, biasanya kita dengar wanita menjadi mangsanya,

tetapi kes ini sebaliknya. Walaupun ini mungkin kes terencil, apakah kesimpulan yang dapat kita buat daripada kes seperti ini.

Kejadian ini mencemari imej dan memalukan wanita yang sentiasa menjaga tingkah laku dan tatasusila. Pertanda apakah sebenarnya ini? Apakah tiada lagi rasa malu di pihak pelaku sebagai wanita Timur yang dikenali dengan sifat lemah lembut dan menjaga adab sopan.



Perunding motivasi  
**Dr HM Tuah Iskandar**

**P**ERKARA yang berlaku bukan sesuatu yang pelik kerana lelaki dan wanita mempunyai naluri serupa, cuma lelaki kurang malu dan tergesa-gesa, sementara wanita mengawal perasaannya kerana ingat pada adat resam.

Apa yang ada dalam fikiran lelaki dan wanita sama. Keinginan memikat memang ada, cuma bagi wanita, tindakan itu lambat sedikit kerana dikawal rasa malu.

Kumpulan wanita berkenaan berani melakukan perkara sedemikian kerana mereka ramai.

Apa-apapun kalau ramai akan jadi kuat, misalnya tebuhan.

Kes seperti ini mungkin banyak berlaku, tetapi tidak dilaporkan kerana lelaki rasa seronok, manakala mereka yang melaporkan perkara ini disebabkan rasa sebaliknya.

la satu perkara menakutkan jika berlaku dalam masyarakat Melayu apabila wanita mulai hilang nilai kesopanan pada diri mereka, sedangkan hakikatnya wanita Melayu tidak begitu.

Walaupun kemungkinan mereka ada naluri, biasanya tidak sampai ke tahap bertindak.

Kes ini menunjukkan masyarakat kita mula hampir kepada 'kecanggihan' seperti di luar negara."



Pensyarah Fakulti  
Kepemimpinan dan  
Pengurusan Universiti  
Sains Islam Malaysia  
**Prof Madya Dr Saedah Abdul Ghani**

**"** A perkara biasa. Wanita ada bermacam ragam, ada yang baik dan tidak.

Bilangan yang ramai membuatkan mereka rasa kuat, tambahan pula bilangan lelaki di kilang berkenaan tidak seimbang dan kurang berbanding jumlah wanita.

Kumpulan wanita yang bertindak seperti itu tiada rasa malu. Seperti budak lelaki, mereka tidak berani mengusik jika berseorangan, tetapi lebih yakin jika berkelompok kerana rasa lebih kuat.

Tekanan dan pengaruh rakan menyebabkan individu itu boleh berubah perangai jadi tidak baik, walaupun jika

dia berseorangan perangainya tidak begitu.

Kes yang berlaku boleh disifatkan bukan saja gangguan seksual, tetapi juga buli. Mereka rasa berkuasa apabila dalam kumpulan yang ramai dan mendapat sokongan rakan lain."

**Kes yang berlaku boleh disifatkan bukan saja gangguan seksual, tetapi juga buli. Mereka rasa berkuasa apabila dalam kumpulan yang ramai dan mendapat sokongan rakan lain**



Felo Penyelidik  
Kanan, Institut Alam  
Tamadun Melayu  
(Atma) UKM  
**Prof Madya Dr Noriah Mohamed**

**"** SU dibangkitkan ini lebih berhati-hati dan tidak mengaibkan wanita. Apakah wanita kini hilang rasa malu dan maruah diri? Jangan kerana nita setitik, rosak susu sebelanga.

Mereka dalam kumpulan kerana kalau bersendirian, saya rasa tak mungkin. Kelompok ini harus disiasat usia, latar belakang, peribadi dan tujuannya.

Siasat secara terperinci dan kalau benar, bawa mereka ke tengah, beri nasihat dan jika masih berdegil, paparkan di akhbar biar menjadi satu pengajaran.

Persoalan juga timbul mengapa perkara sebegini berlaku, ertinya nilai keagamaan sudah luntur di kalangan kita orang Timur, lebih-lebih lagi masyarakat Islam."

**Persoalan juga timbul mengapa perkara sebegini berlaku, ertinya nilai keagamaan sudah luntur di kalangan kita orang Timur, lebih-lebih lagi masyarakat Islam**



**RAMAI... pengaruh rakan boleh ubah sikap wanita.**